

Umat Islam diminta jangan jadi penerima yang malas berusaha

U.M. 122 OCT 1991

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta umat Islam negara ini supaya jangan menjadi masyarakat penerima yang malas berusaha kerana sifat ini boleh mengakibatkan negara kucar-kacir serta pembangunan terjejas.

Beliau menegaskan, sikap terlalu mengharap-kan kebajikan yang dicipta oleh ideologi Barat telah menyebabkan majoriti rakyat negara-negara yang mengamalkan ideologi itu menjadi malas hingga menjejaskan usaha-usaha pembangunan.

Tambahnya, negara yang maju sekalipun telah menjadi lemah dan kucar-kacir akibat daripada sikap tersebut.

“Yang harus menerima (bantuan kebajikan) ialah mereka yang betul-betul tidak mampu dan mereka ini pula hendaklah membayar balik kepada masyarakat yang membantu setelah kedua-

dukan kewangan mereka pulih,” katanya semasa berucap melancarkan Yayasan Ubaidi di Pusat Islam di sini hari ini.

Yayasan Ubaidi yang ditubuhkan oleh Tan Sri S.O.K. Ubaidullah telah didaftarkan pada 12 Mei, 1990 dengan jumlah derma sebanyak \$15 juta.

Perdana Menteri seterusnya berkata, umat Islam seharusnya memberi bantuan kepada sesiapa saja yang memerlukan bantuan tanpa mengira kaum.

Menurutnya, walaupun tidak ada bahagian zakat yang khusus bagi bukan Islam tetapi mereka yang miskin dan daif berhak mendapat bantuan tanpa mengambilkira agama mereka.

“Pandangan terhadap agama Islam akan menjadi amat buruk jika orang Islam sanggup menerima tetapi tidak sanggup memberi,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, hanya dengan kesanggupan seperti ini

baru dapat dibentuk masyarakat penyayang dan adil di negara ini.

Kerajaan, tegas Perdana Menteri, sentiasa mengalu-alukan langkah orang perseorangan atau pihak swasta untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, adalah lebih baik jika masyarakat negara ini mengutamakan usaha mencari kekayaan secara halal supaya dapat bersedekah dan mengeluarkan zakat daripada terlalu mudah menerima sedangkan mereka mampu membuat sesuatu untuk diri masing-masing.

Beliau menambah, walaupun penerima derma tidak harus berasa terhutang budi kepada penderma tetapi sekurang-kurangnya dia harus berterima kasih kepada penderma dan bersyukur dengan nikmat yang diperolehi itu.